

**SOALAN NO. 210****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. LEE BOON CHYE  
[ GOPENG ]**

**SOALAN :**

**YB Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai dan nama penasihat di Jabatan Perdana Menteri.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Duta-duta Khas dan Penasihat-penasihat dilantik untuk menasihati YAB Perdana Menteri dalam bidang-bidang tertentu seperti infrastruktur, kebudayaan, pembangunan wanita, perpaduan dan hubungan antarabangsa. Mereka mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang tertentu di dalam membantu kerajaan melaksanakan program-program yang telah dipertanggungjawabkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, mereka mempunyai hubungan kerjasama yang baik dengan negara-negara lain berdasarkan bidang tugas dan pengalaman mereka sebelum ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DR.LEE BOON CHYE [GOPENG]**

**SOALAN : 211**

**PR-1361-T01916**

**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan peruntukan Kerajaan yang telah digunakan untuk pelaksanaan High-Speed BroadBand (HSBB) dan setakat manakah peratusan liputan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan telah siap melaksanakan projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) pada suku ketiga 2017 yang menyediakan kemudahan jalur lebar dengan kelajuan sehingga 100 Megabit sesaat untuk bandar-bandar utama, ibu-ibu negeri dan kawasan-kawasan perindustrian yang melibatkan penaiktarafan sebanyak 198 ibusawat di seluruh negara.

28

**SOALAN NO: 211**

Sehingga suku keempat 2017, peratusan liputan projek HSBB adalah sebanyak 74.8%.

Projek ini menelan belanja sebanyak RM13.1 bilion manakala kos pelaksanaan projek ini dikongsi bersama di antara pihak Kerajaan dan pihak Telekom Malaysia Berhad melalui program Kerjasama Awam Swasta (PPP).

NO. SOALAN: 212

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]**

**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan kerugian keseluruhan projek Kedai Rakyat 1 Malaysia sejak permulaan projek tersebut.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Inisiatif Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) merupakan satu usaha Kerajaan semenjak tahun 2011 bagi membolehkan rakyat membeli barangan keperluan harian pada harga yang berpatutan. Sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab kepada rakyat maka KR1M ditambahbaik dan distrukturkan kepada KR1M 2.0 melalui model perniagaan yang baharu serta berdaya maju. Model ini melibatkan kerjasama strategik dan pintar antara pihak Kerajaan bersama syarikat pengeluar, pembekal serta peruncitan. Selain itu, model perniagaan KR1M 2.0 turut terdiri daripada operasi perniagaan kendalian pemilik (*owner-operator*) dan penjenamaan bersama (*co-branding*).